

**KENYATAAN MEDIA  
UNTUK SIARAN SEGERA**

**KENYATAAN RASMI OLEH  
FINANCIAL PARK (LABUAN) SDN BHD**

Labuan, 4hb Ogos 2021: Selaras pengumuman peralihan Wilayah Persekutuan Labuan ke Fasa 3, Pelan Pemulihan Negara, Kompleks Ujana Kewangan Labuan akan menggunakan Garis Panduan Operasi (SOP) Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 3 yang dikuatkuasakan bermula 4hb Ogos 2021.

Ini bermakna hampir semua sektor ekonomi yang beroperasi di Kompleks kini boleh beroperasi semula kecuali sektor perniagaan yang disenaraikan di Senarai Negatif PPN. Premis restoran dan medan selera juga dibenarkan untuk beroperasi secara 'dine-in' dengan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter. Pembukaan semula sektor-sektor ekonomi lain akan juga dilaksanakan mengikut SOP terkini yang ketat bagi membendung risiko berulangnya penularan jangkitan COVID19. Sehubungan ini, sebarang aktiviti di Kompleks yang berpotensi menyebabkan perkumpulan orang ramai secara tidak terkawal dan menjejaskan penjarakan sosial masih lagi dilarang.

Pihak Financial Park (Labuan) Sdn Bhd juga sukacita memaklumkan kepada para pemilik, penyewa, pengunjung dan pihak-pihak yang berkepentingan bahawa menerusi Program Imunisasi COVID19 Kebangsaan (PICK), keseluruhan tenaga kerja syarikat kami dijadual akan lengkap dua dos vaksin pada 11hb Ogos 2021. Dalam usaha mengawal jangkitan serta menjamin kebersihan Kompleks, pihak kami masih dan akan meneruskan program sanitasi di kawasan awam dalam Kompleks setiap hari. Tindakan ini adalah merupakan satu langkah proaktif untuk memastikan Kompleks Ujana Kewangan selamat dikunjungi oleh orang ramai.

Kompleks Ujana Kewangan menggunakan sepenuhnya aplikasi daftar masuk *MySejahtera* di semua pintu masuk ke Kompleks dan di setiap tingkat kedua-dua menara pejabat Blok 1 dan 4. Selaras dengan ini, semua pengusaha dan majikan di permis perniagaan dan pejabat diingatkan untuk menggunakan kod QR daftar masuk aplikasi *MySejahtera*.

Diharapkan usaha-usaha ini akan dapat mengembalikan keyakinan kepada para pemilik, penyewa dan pengunjung untuk datang ke Kompleks Ujana Kewangan Labuan. Sila lawati laman web kami di <http://www.fpl.com.my/> atau di laman *Facebook* rasmi "*Financial Park Labuan*" untuk mendapatkan sebarang maklumat terkini berkenaan dengan perkembangan di atas.

Terima kasih atas sokongan berterusan anda

**"KEKAL BERSIH, KEKAL SELAMAT"**

Financial Park (Labuan) Sdn. Bhd.  
4hb Ogos 2021

---

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:  
Khidmat Pelanggan FPL  
Nombor Telefon:  
087-419 477 (Pejabat Pengurusan)  
087-439 767 (Kaunter Keselamatan)  
Emel: [info@fpl.com.my](mailto:info@fpl.com.my)  
Web: <http://www.fpl.com.my/>